

## Prestasi Dan Populariti Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Kedah Dibawah Perikatan Nasional: Kajian Kes Di Kawasan DUN Jitra, Kedah

*Performance and Popularity of The Federal Government and The Government of Kedah under The National Alliance: A Case Study In DUN Jitra's Area, Kedah*

Nur Hani Jannatun Najwa Pazil

<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### ABSTRAK

*Peralihan kuasa kepimpinan di kawasan DUN Jitra selepas kemelut politik memberi tumpuan kepada prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah dibawah Perikatan Nasional di kawasan DUN Jitra, Kedah. Kajian ini memberi penekanan terhadap tingkah laku pengundian dalam pembuatan keputusan untuk memilih calon dalam pilihan raya. Kajian dilaksanakan untuk mengenal pasti sumber maklumat politik responden di samping mengkaji prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah dan menganalisis sentimen politik semasa di sekitar kawasan kajian untuk melihat sejauhmana penerimaan pengundi terhadap kerajaan baru iaitu Perikatan National (PN). Pengumpulan maklumat melalui pengedaran borang soal selidik kepada 50 orang responden lelaki dan perempuan yang layak mengundi iaitu berusia 21 tahun ke atas. Kaedah temubual dilaksanakan bersama individu yang berjawatan dalam parti politik di kawasan kajian termasuk kaedah pemerhatian semasa di lapangan serta kepustakaan dan rujukan sumber sekunder. Hasil menunjukkan majoriti responden meletakkan kepercayaan tinggi kepada sumber maklumat media elektronik. Selain itu, prestasi pemerintahan Kerajaan Persekutuan dibawah PN (BERSATU) menerima sambutan yang baik manakala pemerintahan Kerajaan di peringkat Negeri dibawah PN (PAS) hanya meraih sebanyak 34 peratus bagi prestasi baik. Diharapkan dapatan kajian ini dapat dijadikan sebagai strategi pelaksanaan dasar dan gerak kerja agensi kerajaan yang berkait dengan politik pilihan raya.*

**Kata kunci:** Geografi politik, komunikasi politik, tingkah laku pengundian, sumber maklumat, literasi politik

### ABSTRACT

*The transfer of leadership in DUN, Jitra constituency after the political crisis focused on the performance and popularity of the Federal Government and the Government of Kedah under The National Alliance (PN) in the said area. This study emphasises on the voting behaviours in decision making to vote for candidates in elections. The study was conducted to identify the sources of respondents political information, besides the performance and popularity of the*

*Federal Government and the Government of Kedah under The National Alliance (PN) while analysing the current political sentiments in the research area to see the extend of voter acceptance of the new government, the National Alliance (PN). Information for the research was gathered through questionnaires distribution involving 50 male and female respondents who were eligible to vote, which is 21 years old and above. Interview was also conducted with individuals of position in their political parties of the studied area, including observation along with materials from the library and references from secondary sources. The result show most respondents place a high trust in electronic media as their information sources. And apart from that, the Federal Government under PN (BERSATU) performance received a positive response while the Government of Kedah under PN (PAS) only achieved 34 per cent for good performance. It is hoped that the findings of this study can be used as a strategy for implementing policies and actions of government agencies related to electoral politics.*

**Keywords:** Political geography, political communication, voting behavior, sources of information, political literacy

## 1. Pengenalan

Malaysia mengamalkan sistem demokrasi berparlimen di bawah pentadbiran Raja Berperlembagaan. Sistem ini adalah berdasarkan sistem Westminster kerana Malaysia merupakan tanah bekas jajahan British. Maka, kuasa eksekutif ditetapkan oleh kabinet yang dipimpin oleh Perdana Menteri. Di samping itu, Malaysia mengamalkan sistem politik berbilang parti bermula dari pilihan raya pertama iaitu pada tahun 1955, dimana konsep yang diamalkan ialah sistem majoriti mudah (first-past-the-post).

Parti politik di Malaysia sebahagian besarnya dikuasai oleh Barisan Nasional selama 60 tahun. Parti ini merupakan parti gabungan di Malaysia yang ditubuhkan pada 1 Januari 1973 sebagai pengganti kepada Parti Perikatan, dan meneruskan pemerintahannya sejak kemerdekaan sehingga tewas pada Pilihan Raya Umum Malaysia ke-14 (PRU-14), 2018. Kejatuhan Barisan Nasional (BN) adalah disebabkan oleh kemunculan parti baharu iaitu, Pakatan Harapan (PH), yang merupakan gabungan empat parti politik pembangkang iaitu Parti Keadilan Rakyat (PKR), Democratic Action Party (DAP), Parti Amanah Negara (AMANAH) dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM/BERSATU). Parti ini dipimpin oleh Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, yang berusia hampir 93 tahun, telah berjaya memecahkan genggaman kuasa Barisan Nasional dengan meraih sokongan besar dari rakyat yang dianggap sebagai suatu tugas yang mustahil. Akan tetapi, pemerintahan parti baharu ini berakhir dalam tempoh 22 bulan sebagai kerajaan.

Kekosongan ini kemudiannya, diisi oleh parti gabungan baharu iaitu Perikatan Nasional yang mendapat sokongan majoriti daripada parti lain. Secara amnya, gabungan ini dianggotai oleh beberapa parti politik seperti Barisan Nasional (BN), Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM/BERSATU), Gagasan Sejahtera (GS)/PAS, Gabungan Parti Sarawak (GPS), Gabungan Bersatu Sabah (GBS) dan seorang Ahli Parlimen bebas. Secara tidak langsung ini memberi impak kepada institusi pemerintah di Kedah. Hal ini kerana, jawatan Menteri Besar lazimnya

dipilih oleh parti politik yang memenangi majoriti kerusi di Dewan Undangan Negeri (DUN) masing-masing. Maka, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah dibawah Perikatan Nasional di kawasan DUN Jitra, Kedah.

Kajian ini turut memberi fokus kepada tiga objektif khusus. Antaranya ialah mengenal pasti sumber maklumat politik responden di kawasan DUN Jitra, Kedah. Kemajuan teknologi seperti liputan internet serta penggunaan telefon pintar meningkatkan kebolehcapaian maklumat pada tahap yang maksimum. Selain itu, objektif kedua ialah mengkaji prestasi dan populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah di kawasan kajian. Objektif terakhir ialah menganalisis sentimen politik semasa di kawasan kajian.

## 2. Tinjauan Literatur

### 2.1 Politik Pilihan Raya Luar Negara

Najmuddin Mohammad Rasul et al. (2015) dalam kajian beliau iaitu ‘Penggunaan Media, Norma Kewarganegaraan dan Partisipasi Politik dalam Era Transisi ke Demokrasi di Indonesia’ bertujuan untuk melihat hubungan antara penggunaan media dan perubahan norma kewarganegaraan dan penyertaan politik. Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji perubahan norma kewarganegaraan dalam konteks perkembangan teknologi komunikasi dan sejauh mana hal itu mempengaruhi penyertaan politik dalam konteks Indonesia menuju peralihan demokrasi. Hasil kajian menunjukkan bahawa perbezaan jantina, umur dan latar belakang pendidikan responden tidak mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap penggunaan media dan perubahan norma kewarganegaraan.

Kajian Janos Laszlo & Kampis (2016) yang bertajuk ‘Political parties on Facebook’ bertujuan untuk mengkaji rangkaian suka terhadap parti politik Hungary. Rangkaian ini mengandungi rangkaian suka Facebook tujuh (7) pihak. Terdapat 3,204 nod dan 28,770 tepi (edge) dalam rangkaian. Hipotesis kajian adalah bahawa pihak berusaha memperluas rangkaian mereka untuk menjangkau lebih banyak orang, dan lebih jauh lagi, bahawa penggunaan tanda suka dan aktiviti posting adalah faktor yang relevan dalam pertumbuhan rangkaian. Walau bagaimanapun, hasil penyelidikan bertentangan dengan hipotesis ini, kerana pihak parti politik membentuk komuniti tertutup dalam rangkaian dan mempunyai pengguna sendiri dan perkiraan ERGM menunjukkan bahawa faktor tersebut tidak berpengaruh dalam pengembangan hubungan.

Kajian James Scott & Jane Wills (2017a) dalam ‘The geography of the political party: Lessons from the British Labour Party’s experiment with community organising, 2010 to 2015’ mengetengahkan sumbangan geografi untuk perbahasan akademik mengenai demokrasi, perwakilan dan peranan parti politik. Parti politik yang berjaya memerlukan keseimbangan antara jentera parti nasional dan asas keahlian tempatan. Kajian mereka meneroka cara dimana Parti Buruh Britain berusaha untuk memperbaikui asas keanggotaan tempatannya dengan mengadaptasi teknik menyusun komuniti dan menubuhkan organisasi baru iaitu Gerakan untuk Perubahan (M4C), antara tahun 2010 dan 2015. Kajian ini juga menggunakan bahan kajian lampau untuk menyoroti pentingnya keseimbangan kekuatan dalam dalam mana-mana parti

politik, dan perlunya pendekatan multi-skalar untuk memahami kejayaan operasi mana-mana parti politik.

Sarah Mills & Catherine Waite (2017a), dalam kajian ‘Brands of youth citizenship and the politics of scale: National Citizen Service in the United Kingdom’ meneroka politik skala dalam konteks kewarganegaraan belia. Mereka mengusulkan konsep ‘jenama kewarganegaraan belia’ untuk memahami peralihan baru-baru ini dalam promosi formasi kewarganegaraan bagi orang muda, dan menunjukkan bertapa pentingnya skala untuk agenda tersebut. Mereka meneruskan perbahasan mengenai skala kewarganegaraan secara lebih luas melalui pemeriksaan geografi imaginatif dan institusi pembelajaran untuk menjadi warganegara.

Kajian Zakia Acharoui et al. (2020) iaitu ‘Identifying Political Influencers on YouTube during the 2016 Moroccan General Election’ bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh percakapan politik, di YouTube, dalam tempoh kempen pilihan raya Maghribi 2016 dengan menggunakan langkah-langkah sentralitas, dan membincangkan sifat maklumat yang dikongsi oleh mereka yang berpengaruh dan profil mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa media digital dan blogger cenderung menjadi pusat daripada golongan elit politik dan media rasmi yang tidak hadir dalam senarai influencer teratas.

## 2.2 *Politik Pilihan Raya di Malaysia*

Junaidi (2018) dalam kajian ‘Kriteria pemimpin dan pola sokongan kepada parti politik di Dewan Undangan Negeri N56 Apas, Sabah’ menjelaskan bahawa majoriti memilih pemimpin yang mempunyai karisma serta kepimpinan yang sentiasa mementingkan rakyat dalam semua hal tanpa mengira bangsa. Kemudian, kebanyakannya responden menyokong Barisan Nasional kerana mengenang jasa atas segala bantuan yang telah diberikan selama ini. Faktor yang menyebabkan responden memilih PKR dan STAR kerana mereka ingin mencuba pemerintahan baru dan bagi responden yang memilih SAPP kerana parti ini dilihat berani memperjuangkan hak rakyat Sabah.

Selain itu, Abdul Razak et al. (2019a) yang mengkaji ‘Pilihan Raya Umum Ke-14 di Malaysia: Berakhirnya Era Rejim Autoritarian’ mendapati kemenangan yang berpihak kepada Pakatan Harapan telah membuktikan bahawa gelombang perubahan politik dan proses pendemokrasian itu adalah tidak asing dan ianya mampu direalisasikan dan ianya bersifat inklusif dengan mengambil kira aspek yang merentasi masyarakat majmuk.

Menurut Suffian (2019b), orang Iban merupakan penduduk teramai di Sarawak. Namun demikian perkembangan politik kepartiannya menghadapi masalah untuk mencari titik persamaan. Persaingan antara mereka amat ketara dengan penubuhan dua parti Iban (Dayak) pada tahun 1960-an. Pada peringkat ini persaingannya tidaklah merugikan mereka kerana mereka mengambil pendekatan persefahaman. Dapatkan kajian juga memperlihatkan persaingan politik secara individu menambah kesukaran dalam menyatukan politik Iban sehingga membawa kemunculan pelbagai parti politik yang berdasarkan kepimpinan orang Iban.

Junaidi, Muhammad Yusuf & Mohd Syukri (2020) dalam kajian PRU DUN Sabah 2020 menjelaskan bahawa sokongan pengundi kepada parti politik dalam PRU DUN tersebut adalah berasaskan sentimen pimpinan kepartian etnik iaitu UMNO (BN) dan BERSATU (PN) yang

dipimpin Orang Melayu mendapat sokongan di kawasan majoriti pengundi etnik Melayu Sabah serta Melayu Brunei pimpinan UMNO dan BERSATU; kawasan majoriti kaum Rungus-Kadazan-Dusun-Murut oleh pimpinan etnik Kadazan-Dusun daripada STAR dan PBS manakala WARISAN-PKR memperoleh sokongan di kawasan majoriti pengundi etnik Bajau pimpinan etnik Bajau WARISAN dan etnik Cina di kawasan bandar pimpinan etnik Cina DAP dan PKR yang bersekutu dengan WARISAN.

### **2.3 Politik Pilihan Raya di Kedah**

Mohd Nizar et al. (2016) menyatakan tingkah laku pengundi merupakan konsep penting untuk dibincangkan melalui penglibatan rakyat dalam sistem demokrasi pilihan raya dalam kajian mereka iaitu ‘Tingkah laku pengundi Melayu terhadap UMNO di negeri Kedah: Satu tinjauan awal’. Kajian mereka mengulas pendekatan tingkah laku pengundian dan sejarah pilihan raya umum serta kajian lepas berkaitan dengan politik dan pilihan raya. Kajian ini menggunakan sumber sekunder yang terdiri daripada kajian yang telah dijalankan di tempat lain oleh penyelidik tentang isu yang sama, serta data PRU yang lepas. Dapatkan ini merupakan suatu respons politik oleh pengundi terhadap polisi dan isu dalam proses pengundian.

Menurut Muhammad Tawfik et al. (2017a), dinamika perubahan politik Melayu-Islam di Kedah bermula secara drastik selepas berlangsungnya Pilihan Raya Umum ke-12 sehingga ke-13 yang lalu. Artikel mereka iaitu ‘Transisi Politik Melayu-Islam Di Kedah: Analisis 2008-2016’ membincangkan transisi politik Melayu-Islam melalui fokus di negeri Kedah bermula dari tahun 2008 hingga krisis pertukaran Menteri Besar pada 2016. Kemunculan tsunami politik telah memberi peluang kepada parti oposisi khususnya PAS untuk mentadbir Kedah buat kali pertama semenjak merdeka. Sepanjang tempoh pentadbiran PAS di Kedah, dasar baru telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri sehingga menghasilkan pelbagai impak politik, ekonomi dan sosial khususnya dalam memperkuuhkan kedudukan Melayu-Islam. Namun, kedudukan PAS di Kedah semakin terancam menjelang Pilihan Raya Umum ke-13 menerusi pelbagai krisis dalam politik peringkat negeri dan isu semasa yang gagal ditangani sebaiknya oleh parti berkenaan. Kerencaman isu yang berbangkit menyebabkan UMNO berjaya menguasai semula kerajaan yang sebelumnya ditadbir oleh PAS.

Abdullah, Mohd Firdaus & Arba’iyah (2018a) menyatakan isu dan masalah bekalan air domestik pada PRU-14 di negeri Kedah mempunyai kepentingan tersendiri kepada setiap parti politik yang bertanding pada PRU-14 di negeri berkenaan. Malah isu berkenaan dilihat menjadi antara manifesto utama oleh setiap parti politik yang bertanding di Kedah sehingga membawa kepada kekalahan Barisan Nasional (BN) di Kedah pada PRU-14. Hasil penyelidikan ini mendapati, isu dan masalah bekalan air dilihat menjadi antara faktor utama kekalahan BN dan kemenangan kepada PH pada PRU-14 di Kedah.

Husna & Mohd Azul (2018b) dalam kajian jenis media sosial yang digunakan oleh pengundi belia di negeri Kedah menunjukkan hampir majoriti responden memilih media sosial sebagai medium utama untuk mendapatkan maklumat politik berbanding televisyen dan surat khabar. Dalam pada itu, idealisme politik yang dikongsikan menerusi media sosial turut mempengaruhi belia dalam membuat keputusan undi. Kajian ini menunjukkan bahawa

perkongsian maklumat politik di media sosial mampu mempengaruhi golongan belia dalam menentukan ahli ataupun parti politik yang bakal dipilih.

Mohd Nizar (2020) dalam tesis PhD beliau yang bertajuk ‘Tingkah Laku Dan Faktor Pengundian Dalam Kalangan Pengundi Melayu Terhadap UMNO Pada Pilihan Raya Umum 2004 Hingga 2018 Di Negeri Kedah’ menjelaskan bahawa tingkah laku pengundi Melayu di Kedah bercorak pendulum iaitu menghayun ke kiri dan berlaku hakisan sokongan terhadap UMNO. Trend ini mula berlaku dalam PRU-11 (2004), PRU-12 (2008) dan PRU-13 (2013). Kemuncak hayunan dan penolakan terhadap UMNO dimanifestasikan pada PRU-14 pada 2018. Keunikan pengundi Melayu di Kedah mengundi adalah berasaskan kepada kepelbagaiannya teori tingkah laku pengundian di samping bersikap emosional dalam sesuatu pilihan raya sehingga membentuk tingkah laku pengundian bersifat karekteristik unik.

Pengkaji mendapati bahawa “Prestasi dan populariti kerajaan persekutuan dan negeri pasca PRU 2018” masih kurang dikaji. Berdasarkan hasil kajian literatur yang terdahulu, dapat dirumuskan bahawa terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi penerimaan sesebuah parti politik mahupun calon yang bertanding di sesebuah kawasan dan faktor yang mempengaruhi persepsi rakyat terhadap parti yang memerintah.

### **3. Metodologi dan Kawasan Kajian**

#### **3.1 Kaedah Mengumpul Data**

Dalam kajian ini terdapat empat kaedah kajian yang digunakan bagi pengumpulan data kajian iaitu soal selidik, temu bual, pemerhatian di lapangan dan kajian kepustakaan/rujukan sumber sekunder. Kaedah soal selidik adalah salah satu kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat penting daripada responden. Soal selidik ini melibatkan seramai 50 orang responden lelaki dan perempuan yang terdiri daripada pelbagai peringkat umur yang layak mengundi yang berumur 21 tahun dan keatas.

Kaedah temu bual pula penting bagi memperoleh maklumat lisan tentang penyelidikan secara informal. Temu bual ini melibatkan lima orang informan/individu iaitu terdiri daripada pengundi yang berjawatan dalam parti politik di kawasan kajian. Berdasarkan topik dan persoalan yang dibincangkan dalam temu bual ini, pengkaji boleh melihat dan mendengar sendiri pandangan mereka sebagai ahli politik terhadap keadaan politik pilihan raya di kawasan kajian.

Kaedah pemerhatian digunakan untuk mengukur pembolehubah penyelidikan selain daripada kaedah soal selidik dan kaedah temu bual. Melalui kaedah pemerhatian ini, pengkaji dapat melihat sendiri tingkah laku yang ditunjukkan oleh pengundi di kawasan kajian. Pengkaji membuat pemerhatian berdasarkan keadaan persekitaran fizikal semula jadi dan buatan manusia, perubahan politik, ekonomi, pembangunan setempat dan penglibatan wakil rakyat di kawasan kajian. Pemerhatian juga dijalankan bagi mengenalpasti tingkah laku pengundi dan budaya politik di kawasan kajian yang mempengaruhi tingkah laku politik responden.

Akhir sekali, bahan rujukan sekunder digunakan bagi mengukuhkan lagi maklumat untuk menghasilkan sesebuah kajian yang lengkap dan mantap. Antaranya adalah kajian kepustakaan

dan kajian atas talian atau kajian internet. Perpustakaan merupakan tempat paling utama untuk memperoleh sesuatu maklumat ataupun data. Ianya terdapat dalam pelbagai bentuk antaranya buku, majalah, jurnal, risalah, akhbar, artikel, laporan bulanan dan tahunan kerajaan. Pengkaji juga mendapatkan maklumat dan membuat rujukan secara atas talian di internet melalui laman web yang berkaitan politik pilihan raya, akhbar online, blog, aplikasi whatsapp, facebook, Instagram, twitter, telegram, youtube dan pelbagai lain.

### **3.2     *Analisis Data***


Ringkasan data akan dipaparkan dalam bentuk jadual dan carta/graf yang sesuai dengan menggunakan perisian SPSS bagi mengambil kira kekerapan dan peratusan kajian. Penggunaan kaedah ini akan memudahkan pengkaji memberi penerangan berdasarkan kajian yang dijalankan agar mudah difahami oleh pembaca. Data yang telah dianalisis dibentangkan dengan bantuan rajah, graf dan carta bagi memudahkan memahami hasil kajian tersebut. Dengan cara menyusun data, pengkaji dapat membuat analisis berkaitan dengan objektif kajian.

### **3.3     *Kawasan Kajian***

Negeri Kedah terdiri daripada 12 buah daerah pentadbiran iaitu Kota Star, Kuala Muda, Kulim, Kubang Pasu, Langkawi, Padang Terap, Sik, Baling, Yan, Pendang, Bandar Baharu dan Pokok Sena. Kawasan kajian iaitu Jitra merupakan sebuah kawasan yang terletak di kawasan Parlimen Kubang Pasu, Kedah Darul Aman. Jitra berhampiran dengan sempadan Kedah-Thailand, kira-kira 35 km dari sempadan. Ramai daripada penduduknya boleh bertutur bahasa Siam, malahan ada yang berketurunan Siam, terutama yang tinggal berdekatan dengan sempadan. Bandar ini kini sedang pesat membangun dengan kemunculan banyak taman perumahan baru. Bandar Jitra juga hampir dengan Lebuh raya Utara Selatan ke Bukit Kayu Hitam dan ke selatan iaitu Kuala Lumpur. Dalam peta, kedudukan Jitra ialah  $6.3^{\circ}$  Utara dan  $100.4^{\circ}$  Timur. Jitra terletak di utara bagi Alor Setar, selatan bagi Changlun, timur bagi Ayer Hitam dan barat bagi Pokok Sena serta Kuala Nerang. Jitra adalah bandar pentadbiran bagi daerah Kubang Pasu iaitu terletaknya bandar Changlun dan Ayer Hitam. Secara amnya Jitra mempunyai seluruh padang sawah padi di bahagian barat dan selatan cuma sedikit berbukit, di sebelah timur berbukit dan di bahagian utara ditanam dengan pokok kelapa sawit.

Dari segi geografi pilihan raya, kawasan Parlimen Kubang Pasu terdiri daripada dua kawasan DUN iaitu Jitra dan Bukit Kayu Hitam (Lihat Rajah 1). DUN Jitra merangkumi kawasan Daerah Mengundi Paya Kemunting, Kampung Kuluang, Malau, Padang Panjang, Wang Tepus, Taman Jitra Jaya, Taman Rasa Sayang, Taman Pasu, Kampung Telok Nibong, Kampung Batu 13, Taman Jitra, Pantau Halban, Kampung Tok Kesop, Tanah Merah, Kampung Telok Malik, Kampung Naga, Lubuk Kawah, Taman Mahsuri, Alor Rambai, Lubok Batu, Bukit Tinggi dan Kepala Batas. Dari segi komposisi etnik, kawasan DUN Jitra mempunyai 84.2 peratus etnik Melayu, 9.8 peratus Cina, 4.5 peratus India dan selebihnya adalah etnik lain.

Pada PRU-14 2018, DUN Jitra dimenagi oleh calon PKR (PPBM/BERSATU) melalui YB Dato' Mukhriz Mahathir. Beliau menang dengan memperoleh 18,852 undi iaitu dengan majoriti 10,849 undi menewaskan calon BN/UMNO iaitu Aminuddin Omar (8,003 undi) dan calon PAS iaitu Zulhazmi Osman (7,064 undi).



RAJAH 1. Persempadanannya kawasan Parlimen Kubang Pasu dan DUN Jitra  
Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2018

Oleh kerana Dato' Seri Mukhriz Mahathir telah keluar BERSATU setelah Kerajaan Kedah jatuh kepada Perikatan Nasional (PAS) maka beliau mengisytiharkan diri beliau sebagai ADUN Bebas sementara menunggu kelulusan ROS terhadap penubuhan parti baru beliau dengan bapa beliau (Tun Mahathir Mohamad) iaitu Parti Pejuang. Dalam kawasan DUN Jitra, Kedah, dua kawasan dipilih sebagai kawasan kajian iaitu Daerah Mengundi Taman Mahsuri (bandar) dan Kampung Naga (luar bandar).

#### 4. Dapatan dan Perbincangan


##### 4.1 Sumber Maklumat Politik dan Isu Semasa

###### 4.1.1 Sumber Maklumat Yang Paling Dipercayai

Hasil dapatan mendapati bahawa majoriti responden di kawasan kajian lebih mempercayai sumber maklumat daripada media elektronik (Lihat Rajah 2) di mana pengkaji menyenaraikan beberapa saluran televisyen yang boleh didapati di Malaysia. Pemilihan media elektronik oleh responden disebabkan peranan media ini sebagai salah satu media arus perdana dengan menyampaian maklumat benar dan sahih. Misalnya, rangkaian televisyen tertua di Malaysia seperti RTM (TV1 dan TV 2) dan Media Prima Berhad (TV3, NTV7, 8TV dan TV9). Dapatan turut menunjukkan peratusan yang tinggi memilih TV1 dan TV3. Kemudian, pengenalan kepada rangkaian televisyen satelit, iaitu ASTRO, telah membuka mata masyarakat dalam penerimaan berita menerusi saluran Astro Awani. Namun, penggunaan ASTRO masih terhad mengikut status ekonomi sesebuah keluarga untuk memilikinya.

Sumber maklumat kedua paling dipercayai ialah media online atau sosial iaitu sebanyak 36 peratus responden. Perkembangan teknologi dan penggunaan internet secara meluas menjadikan media sosial lebih interaktif apabila dibandingkan dengan bentuk media tradisional seperti radio dan televisyen. Selain itu, media sosial tidak dipengaruhi oleh pihak kerajaan. Oleh itu segala bentuk perbincangan kritikal, perkongsian maklumat, komunikasi dengan orang lain, boleh dilakukan. Namun, tidak dinafikan penggunaan WhatsApp di Malaysia agak sinonim dengan penyebaran berita palsu terutama dalam kalangan pengguna warga emas. Selain itu, media sosial tidak dipengaruhi oleh pihak kerajaan. Oleh itu segala bentuk perbincangan kritikal, perkongsian maklumat, komunikasi dengan orang lain, boleh dilakukan. Walau bagaimanapun, keempat-empat media sosial ini menunjukkan keberkesanannya dalam penyampaian maklumat, berinteraksi dengan segera, berkomunikasi dengan dua hala dan penghantaran mesej yang cepat ke beberapa orang dalam masa yang sama.

Sumber maklumat ketiga tertinggi ialah media cetak dengan bilangan peratusan sebanyak 24 peratus. Kecenderungan responden untuk memilih ketiga-tiga media cetak ini dipengaruhi oleh faktor bangsa di samping penerbitan mereka dalam bahasa Melayu yang menjadikan penyampaian maklumat mudah difahami. Pemilihan turut berdasarkan status akhbar-akhbar ini sebagai salah satu media arus perdana masih yang merupakan sumber utama berita, benar dan perlu diyakini. Manakala, 2 peratus lagi mewakili lain-lain media misalnya daripada orang sekeliling yang responden berasa selesa untuk berkongsi pendapat dan pandangan tentang sesuatu isu semasa dan perihal politik.



RAJAH 2. Sumber maklumat yang paling dipercayai (Peratus)  
Sumber: Soal selidik 2020

#### 4.1.2 Penilaian Semula Maklumat Yang Disampaikan Dalam Sumber Maklumat

Selain itu dalam perihal menilai semula maklumat dalam kalangan responden, pengkaji mendapati bahawa sebanyak 74 peratus memilih untuk menilai semula maklumat yang mereka terima (Lihat Rajah 3). Hal ini sama sekali bertentangan dengan tanggapan pengkaji bahawa responden akan menerima maklumat yang diterima dengan seadanya sepertimana yang dijelaskan dalam teori Jarum Hipodermik dimana penerima maklumat cenderung untuk menjadi pasif dan menyerap kandungan tanpa analisis kritikal banyak. Seterusnya, sebanyak 10 peratus responden memilih tidak perlu untuk menyemak maklumat yang disampaikan dan bilangan yang sama turut memilih mereka tiada masa untuk menyemak maklumat tersebut, manakala hanya sebilangan kecil sahaja daripada responden yang tidak menyemak maklumat yang mereka terima.



RAJAH 3. Penilaian semula maklumat yang disampaikan dalam sumber maklumat (peratus)  
Sumber: Soal selidik 2020

#### 4.1.3 Tempat Responden Bersama-Sama Dengan Ahli Keluarga Atau Rakan Bersempang Mengenai Isu Politik Dan Isu Semasa

Seterusnya, sejumlah 56% responden memilih rumah sendiri sebagai lokasi untuk bersempang mengenai isu politik dan isu semasa, manakala sebanyak 38% memilih rumah kawan dan 36% memilih rumah ayah/ibu (Lihat Jadual 1). Majoriti berpendapat bahawa kawasan rumah adalah zon selamat untuk bersempang berkenaan isu semasa dan politik terutama sekali bagi golongan belia yang baru membentuk persepsi terhadap politik negara. Ini turut memberi peluang kepada golongan belia untuk membentuk pendapat terhadap isu-isu berbangkit di samping memberi ruang kepada mereka untuk menyuarakan pandangan.

Jadual 1 Tempat responden bersama-sama dengan ahli keluarga atau rakan bersempang mengenai isu politik dan isu semasa

Tempat responden bersama-sama dengan ahli keluarga atau rakan bersempang mengenai isu politik dan isu semasa	Peratus Ya (%)
Rumah sendiri	56.0
Rumah kawan	38.0
Rumah ayah/ibu	36.0
Rumah adik-beradik	22.0
Restoran	12.0
Lain-Lain (Starbuck, KFC, McD, Old Town White Coffee dll)	12.0
Ketika kenduri kahwin	12.0
Kedai kopi	12.0
Surau/masjid	8.0
Kedai mamak	8.0
Kedai runcit	4.0
Tepi atau simpang jalan/parit	2.0

Rumah tok sidang	2.0
Pasar basah/kering	0.0
Dalam kebun	0.0
Balai raya	0.0

Sumber: Soal selidik 2020

#### **4.2 Prestasi dan Populariti Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Kedah**

##### *4.2.1 Prestasi Pemerintahan Kerajaan Persekutuan Dibawah PN (BERSATU) Sehingga Kini*

Pembentukan kerajaan baru tatkala negara sedang berhadapan dengan pandemik Covid-19 mengundang pelbagai reaksi daripada rakyat. Majoriti responden, sebanyak 60 peratus, menilai prestasi pemerintahan Kerajaan Persekutuan sebagai “Baik”. Manakala, bagi tahap prestasi “Sederhana” menunjukkan bilangan sebanyak 36 peratus dan prestasi terendah iaitu “Lemah” merangkul bilangan sejumlah 4 peratus. Penilaian positif daripada responden didorong oleh pemberian bantuan mahupun insentif daripada pihak Kerajaan Persekutuan bagi meringankan beban rakyat dalam menghadapi situasi pandemik. Bagi responden yang menilai prestasi Kerajaan Persekutuan sebagai “Sederhana” berikutan ketidakpuasan hati terhadap perlaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tanpa *Standard Operating Procedure* (SOP) yang kurang jelas, ditambah pula dengan isu pihak berkuasa menyaman orang awam tanpa budi bicara, iaitu perkara yang bertentangan dengan saranan Menteri Pertahanan, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Kemudian, sejumlah 4 peratus responden yang menilai Kerajaan Persekutuan sebagai “Lemah”, berpendapat bahawa kerajaan PN tidak menghormati rakyat dengan peralihan kuasa tanpa pilihanraya dan melihat tiada perbezaan antara kerajaan PN dan PH dari aspek kegagalan dalam mentadbir.

##### *4.2.2 Prestasi Pemerintahan Kerajaan Negeri Dibawah PN (PAS) Sehingga Kini*

Prestasi pemerintahan Kerajaan Negeri PN (PAS) memperlihatkan sebanyak 48 peratus responden menilai prestasi kerajaan negeri di tahap “Sederhana” diikuti dengan 34 peratus di tahap “Baik”. Dalam pada itu, 18 peratus menilai tahap prestasi kerajaan negeri sebagai “Lemah”. Dapatkan daripada peratusan ini menunjukkan reaksi yang berbeza berbanding di peringkat Persekutuan. Prestasi pemerintahan Kerajaan Negeri yang “Sederhana” berikutan tiada perubahan dari aspek sosial, ekonomi dan politik, baik dibawah kerajaan PH mahupun BN. Namun, penerimaan “Baik” daripada responden ialah daripada insentif kerajaan negeri dalam menghulurkan bantuan ketika menghadapi pandemik. Seterusnya, penilaian yang “Lemah” daripada responden berakar dari pandangan bahawa kerajaan PN (PAS) kurang arif dalam urustadbir negeri. Berikut adalah pendapat informan terhadap prestasi pemerintahan Kerajaan Negeri dibawah PN (PAS).

#### **4.3 Sentimen Politik Semasa**

##### *4.3.1 Pandangan Terhadap Isu Politik Pilihan Raya Di Negara Ini Sekarang*

Pandangan responden terhadap isu politik pilihan raya di negara ini sekarang majoriti memilih pernyataan “Rakyat muak dan kecewa dengan isu politik pilihan raya sekarang” mendapat pilihan majoriti sebanyak 60 peratus. Responden berpendapat bahawa dilema politik di Malaysia berlaku secara melampau sehingga pihak kerajaan leka dan mengabaikan tanggungjawab mereka kepada rakyat. Di samping itu, 10 peratus responden memilih pernyataan “Rakyat berminat ingin tahu dan faham dengan isu politik pilihan raya sekarang” menunjukkan bahawa mereka mulai sedar akan kepentingan untuk memahami maklumat politik dalam perbualan harian. Selebihnya iaitu sebanyak 30 peratus, memilih “tidak pasti” dan berterus terang bahawa mereka tidak mengambil berat dalam isu politik Pilihan Raya.

##### *4.3.2 Pandangan Terhadap Sentimen Rakyat Kepada Senario Politik Semasa Pada Masa Sekarang*

Selain itu, pandangan responden terhadap senario politik semasa mendapati pernyataan “rakyat gembira dengan senario politik semasa sekarang” bilangan rendah iaitu sebanyak 10 peratus. Responden berpendapat bahawa Tun Dr. Mahathir Mohamad patut bersara dan pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai Perdana Menteri merupakan pilihan sedikit baik daripada melantik mana-mana ahli dari UMNO. Seterusnya, sebanyak 58 peratus responden memilih pernyataan “Rakyat tidak gembira dengan senario politik semasa sekarang” kerana terlalu banyak spekulasi dan berpendapat ahli politik ini hanya mementingkan pangkat mereka. Di samping, layanan dua darjah antara rakyat dan ahli politik. Seterusnya sebanyak 32 peratus responden memilih “tidak pasti” disebabkan pandangan politik masing-masing serta tumpuan rakyat lebih kepada mendapatkan informasi lanjut berkenaan virus Covid-19 agar tindakan pencegahan boleh diambil dengan lebih cekap.

##### *4.3.3 Pandangan Terhadap Sentimen Rakyat Kepada Ahli Politik Sekarang*

Seterusnya, Pandangan responden terhadap sentimen rakyat kepada ahli politik menunjukkan bahawa sebanyak 24 peratus responden memilih pernyataan “Rakyat masih percaya dan berharap kepada ahli politik” kerana percaya bahawa ahli-ahli politik ini adalah wakil rakyat yang bertanggunjawab untuk meneraju dan mentadbir kawasan yang diamanahkan. Seterusnya 36 peratus responden memilih “Rakyat tidak percaya seterusnya membenci ahli politik” atas dasar perilaku mereka yang tidak adil dalam membuat keputusan tanpa memikirkan implikasi terhadap rakyat. Selain sikap mereka yang sentiasa mengutamakan harta dan pangkat berbanding rakyat. Seterusnya 40 peratus memilih tidak pasti kerana pernyataan ini bergantung kepada fahaman masing-masing dan yang penting semua tanggungjawab dan amanah yang diberikan oleh rakyat terlaksana.

#### 4.4 Perbincangan

Majoriti responden di kawasan DUN Jitra, Kedah menunjukkan kecenderungan untuk mempercayai sumber maklumat daripada media elektronik iaitu televisyen. Dapatan turut menunjukkan peratusan yang tinggi memilih TV1 dan TV3. Diikuti media online dikalangan responden berusia 21 hingga 30 tahun. Penggunaan media sosial tanpa kekangan oleh pihak kerajaan dapat membentuk perbincangan secara kritikal terutama perihal melihat isu urustadbir negara boleh dilaksanakan. Namun, tidak dinafikan penyalahgunaan media ini turut berlaku dalam kalangan pengguna di Malaysia terutama bagi pengguna warga emas. Walau bagaimanapun, media sosial menunjukkan keberkesanan dalam menyampaikan maklumat, berinteraksi dan berkomunikasi secara dua hala dan penghantaran mesej yang cepat ke beberapa orang dalam masa yang sama. Tidak ketinggalan juga penggunaan media cetak sebagai medium untuk mendapat maklumat politik. Pemilihan responden terhadap media cetak sangat dipengaruhi oleh faktor bangsa di samping penerbitan ia dalam bahasa Melayu memudahkan lagi penyampaian maklumat untuk difahami pembaca. Manakala, lain-lain medium ialah daripada orang disekeliling responden dimana mereka berasa selesa untuk berkongsi pendapatan dan pandangan tentang sesuatu isu semasa dan perihal politik.

Selain itu, majoriti responden akan menyemak semula atau menilai maklumat yang diterima. Dapatan ini bertentangan dengan tanggapan asal pengkaji bahawa responden akan menerima maklumat secara pasif sebagaimana yang dijelaskan dalam teori Jarum Hipodermik. Teori ini beranggapan bahawa penerima maklumat cenderung untuk menjadi pasif dan menyerap kandungan tanpa analisis kritikal banyak. Walaupun begitu, tidak dinafikan terdapat segelintir responden yang tidak berbuat demikian atas dasar kepercayaan ataupun tiada masa. Responden di kawasan DUN Jitra, Kedah, secara majoriti, bersikap atas pagar dalam penilaian mereka. Penilaian prestasi yang positif terhadap Kerajaan Persekutuan didorong oleh tindakan kerajaan untuk meringankan bebas rakyat pemberian melalui ransangan ekonomi mahupun bantuan. Manakala, di peringkat negeri, responden beranggapan prestasi Kerajaan Negeri dibawah kepimpinan baru tidak menunjukkan sebarang perubahan ketara baik dari kepimpinan terdahulu ataupun yang terkini.

Seterusnya, segelintir responden menunjukkan bahawa mereka kurang peka dan tidak mengambil tahu perihal politik negara dengan lebih mendalam. Maka, mereka merasakan isu politik yang berlaku sebagai pembuka mata buat mereka untuk melihat kepentingan ilmu asas dalam memahami politik untuk membuat keputusan di kemudian hari. Secara tidak langsung, meningkat kadar literasi politik dalam kalangan orang awam untuk mengetahui selok belok politik dan memahami tanggungjawab mereka sebagai pengundi.

#### 5. Rumusan dan Cadangan

Kesimpulannya, responden di kawasan DUN Jitra, Kedah menunjukkan bahawa mereka tidak meletakkan harapan yang tinggi terhadap kerajaan dibawah pemerintahan Perikatan Nasional (PN) baik pada peringkat Persekutuan mahupun Negeri. Selain itu, majoriti responden masih bergantung kepada sumber maklumat media elektronik untuk mengetahui perkembangan isu semasa dan politik. Hal ini mempengaruhi mereka untuk mengutamakan calon dan sosiologi

beliau diikuti oleh manifesto parti politik dan identifikasi politik. Jelas menunjukkan bahawa semangat kepartian dalam kalangan responden sudah luntur dan tidak lagi relevan terutama sekali dalam berhadapan situasi pandemik serta kegawatan ekonomi.

Memandangkan kajian ini mempunyai batasannya tersendiri maka beberapa kajian lanjutan dicadangkan. Kajian lanjutan melibatkan responden berusia 17 tahun dan keatas. Kajian ini memberi tumpuan kepada literasi politik mereka dan kecendurungan mereka dalam mendokong sesuatu ideologi yang dianggap sesuai untuk negara seperti Malaysia. Selain itu, kajian lanjutan berdasarkan kaum melibatkan generasi sebelum dan selepas kemerdekaan. Skop masa masih tidak jelas namun, pengkaji harap dapat melihat persepsi kaum dari sebelum dan selepas kemerdekaan terhadap politik negara di mana bangsa India dan Cina pada ketika itu berkemungkinan masih dalam proses asimilasi. Manakala, kajian lanjutan melibatkan kaum minoriti Siam di kawasan DUN Jitra, Kedah. Pengkaji ingin mengetahui persepsi mereka terhadap politik negara tingkah laku pengundian mereka.

## Rujukan

- James Scott & Jane Wills. (2017). The geography of the political party: Lessons from the British Labour Party's experiment with community organising, 2010 to 2015. *Political Geography*, 60, 121-131.
- János Bíró, László Gulyás & George Kampis. (2016). Political Parties on Facebook. *Procedia Computer Science* 101, 107-114.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Novel Lyndon, Khaidzir Hj. Ismail, Noor Aziah Hj. Mohd Awal, Jeniri Amir, Ahi Sarok, Rosmadi Fauzi & Amer Saifude Ghazali. (2012). Kriteria pemilihan calon dan parti dalam pilihan raya umum Dewan Undangan Negeri Sarawak. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(4), 44-55.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad MatJali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir, Rosmadi Fauzi & Novel Lyndon. (2012). Persepsi Politik Pengundi Belia Melayu Pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu*, (9), 191-214.
- Junaidi Awang Besar, Muhammad Yusuf Idris & Mohd Syukri Zainuddin. (2020). Pengaruh kepimpinan politik kepartian berdasarkan etnik terhadap pola keputusan PRU DUN Sabah 2020. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities*, 17(9), 39-60.
- Junaidi Awang Besar. (2018b). Kriteria pemimpin dan pola sokongan kepada parti politik di Dewan Undangan Negeri N56 Apas, Sabah. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space*, 14 (3), 128-140.
- Mohd Firdaus Abdulah & Arba'iyah Mohd Noor. (2018a). Isu bekalan air domestik: Antara kejayaan dan kekalahan pada PRU-14 di Negeri Kedah. *Jurnal Peradaban*, 11, 115-150.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Abdul Halim Sidek & Noor Aziah Hj. Mohd Awal. (2011). Persepsi politik belia di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Negeri Sembilan. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space (Special Issue: Social and Spatial Challenges of Malaysian Development)*, 7, 105-115.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Novel Lyndon. (2012). Akses kepada internet dan kesannya terhadap partisipasi politik

- penduduk di Negeri Johor. *Geografia Online: Malaysia Journal of Society and Space*, 8(6), 76 – 89.
- Mohd Nizar Sudin, Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2016). Tingkah laku pengundi Melayu terhadap UMNO di negeri Kedah: Satu tinjauan. *Geografia: Malaysian Journal of Society And Space*, 12(14), 79-85.
- Mohd Nizar Sudin. (2020). Tingkah Laku dan Faktor Pengundian dalam Kalangan Pengundi Melayu Terhadap UMNO Pada Pilihan Raya Umum 2004 Hingga 2018 di Negeri Kedah. Tesis PhD, Geografi Politik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Najmuddin Mohammad Rasul, Samsudin A. Rahim & Ali Salman. (2015). Penggunaan Media Norma Kewarganegaraan dan Partisipasi Politik dalam Era Transisi ke Demokrasi di Indonesia. *Jurnal Komunikasi*, 31(1), 187-204.
- Sarah Mills & Catherine Waite. (2017a). Brands of youth citizenship and the politics of scale: National Citizen Service in the United Kingdom. *Political Geography*, 56, 66-76.
- Suffian Mansor. (2019b). Dari Dua Parti kepada Banyak Parti: Tinjauan Umum tentang Politik Kepartian Orang Iban, 1960-2006. *The Malaysia and International History Review*, 1, 32-47.
- Yaakub, M. T. Md Rasip, O. Azizan, M. U. (2017b). Transisi Politik Melayu-Islam Di Kedah: Analisis 2008-2016. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Zakia Acharoui, Altaf Alaoui, Badia Ettaki, Jamal Zerouaoui & Mohamed Dakkon. (2020) Identifying Political Influencers on YouTube during the 2016 Moroccan General Election. *Procedia Computer Science*, 170, 1102-1109.